

BAB
KETICA

BAB III

PERLANTIKAN DAN PERLUCUTAN KADI DI NARATHIWAT

1. Perlantikan

Pendahuluan.

Kehakiman adalah sebagai satu badan yang *daruri* mesti diwujudkan untuk menangai permasalahan hidup masyarakat yang melewati batas perdamaian menuju ke kancah persengketaan. Sebagai tunggak asas bagi institusi tersebut adalah keadilan dan kesaksamaan, tanpa dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif yang lain, demi mencapai objektif utamanya iaitu keadilan dalam sebarang penyelesaian yang diminta.

Keadilan pada umumnya merupakan prinsip agung yang sentiasa diperjuangkan oleh nurani umat manusia, sehingga ia dijelmakan dalam bentuk gerakan dan pertubuhan tertentu supaya yang berhak mendapat haknya sekalipun jika terpaksa mengorbankan harta atau jiwa. Rakyat Patani telah terpanggil untuk menuntut keadilan itu melalui proses kehakiman yang sedia ada dalam syariah Islam, walaupun daripada pemerintah kafir sebagai penguasanya. Bagi menyahut keperluan tersebut pihak penguasa Thailand telah berupaya menempatkan kadi muslim bersama hakim sivil di mahkamah sivil wilayah untuk membicarakan kes-kes kekeluargaan Islam dan pusaka yang diajukan oleh orang Islam dari empat wilayah selatan Thailand.

Pada mulanya pihak pemerintah menemui kesukaran untuk memilih calon yang berkelayakan bagi jawatan kadi, tetapi apabila zaman dan suasana sudah

berubah, maka tidak sedikit pula yang tampil menawarkan diri bagi mengisi jawatan tersebut. Oleh yang demikian pihak pemerintah sekaligus berjaya menggariskan beberapa peraturan dan prosedur perlantikan kadi serta syarat-syarat kelayakan yang harus ada pada seseorang calon kadi.

Dalam pecahan berikut penulis akan cuba mengenali secara dekat tentang: Siapa yang mempunyai autoriti untuk melantik kadi? Bagaimana langkah-langkah atau prosedur perlantikan diadakan? Dan apakah syarat-syarat yang ditentukan bagi seseorang calon kadi?

1.1. Bidang Kuasa Perlantikan.

Perlantikan kadi di empat wilayah Selatan Thailand telah mengalami beberapa cara dan prosedur perlantikan, terutama dari segi wewenang dan mandat yang dilimpahkan oleh pemerintah pusat kepada pihak tertentu untuk menjalani proses perlantikan kadi. Pada masa pemerintahan Chulalongkorn, urusan perlantikan kadi dimandatkan kepada Pentadbiran Kementerian Dalam Negeri. Ini jelas terbukti dalam satu arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri No.7/9669,10/10/1902. bahawa gabenor harus memilih tok haji yang berpengetahuan tentang Qur'an dan berpengaruh sebagai "Tok Qadi". Jumlahnya terserah kepada gabenor tetapi tidak kurang daripada 6 orang, mereka akan bersidang dalam kes-kes kekeluargaan Islam dan pusaka. Pemilihan itu harus dipersetujui oleh gabenor general daerah.¹

¹ Narong Sripachana(1975), *Kwam Penma Khong Kodmai Islam Le' Dato' Yutitham*, Bangkok: PT. Popit Press, h 45-51.

Usaha menyerapkan orang Islam ke dalam struktur birokrasi di daerah *Montun Patani* diteruskan lagi oleh putra raja Chulalongkorn; raja Wachiravat (1910-1925), iaitu penampilan kadi dalam mahkamah dalam membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan kekeluargaan dan pusaka yang melibatkan orang Islam, tetapi perlantikan kadi diletakkan dibawah Kementerian Keadilan. Seperti mana yang ditetapkan oleh Kementerian Keadilan No.30/4353, 24 September 1917m. bahawa perlantikan kadi tersebut mesti mendapat persetujuan daripada raja sendiri. Ini bererti bidang kuasa raja dalam hal-hal keagamaan mencakupi kes-kes kekeluargaan Islam yang dianggap sebagai soal keagamaan secara sekular, kerana apabila sesuatu yang melibatkan campurtangan raja maka ia secara langsung menjadi wakil raja dalam urusan yang dimandatkan. Selain daripada itu, perlantikan kadi mesti mendapat persetujuan dari penal Dewan Negara sebelum ia diangkat kepada raja.²

Sungguhpun kedudukan ini nampak lebih berkuasa kerana langsung mengambil wewenang dari raja, namun ia juga dilihat lebih jelas tentang pencabulan raja bukan Islam terhadap kemurnian hukum Islam yang tidak terpisah dari kehidupan orang Islam khususnya di rantau Patani, termasuk Narathiwat. Pindaan juga berlaku pada istilah kadi, dari istilah “*Tok Qadi*”, kepada istilah “*Dato’ Yutitham*” iaitu satu istilah gabungan antara Melayu+Thai yang bermaksud Hakim yang amat dihormati. Kalau dahulu keputusan dibuat oleh satu sidang seramai enam orang kadi yang bersidang membuat keputusan,

² Surin Pitsuwan (1989), *Islam Di Muang Thai. Nasionalisme Melayu Masyarakat Patani*, Penterjemah: Hasan Basari, Pengantar: M.Dawam Rahardjo, Jakarta: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial, (LP3ES), h.102,104.

manakala mengikut perundangan baru ini hanya memerlukan dua orang kadi sahaja untuk duduk disamping hakim sivil,³ supaya tidak banyak berlaku perbezaan pendapat dalam membuat keputusan.

Seperti yang dinyatakan bahawa pihak yang diberi tanggungjawab untuk melantik kadi ialah Kementerian Keadilan, tetapi dari sudut langkah pengamatan diperkuuhkan lagi dengan ditambahkan prosedur pengesahan yang lebih ketat. Mengikut peruntukan undang-undang pentadbiran mahkamah, artikal No.13,44,45 tahun 1978m., Kementerian Keadilan telah mengeluarkan satu peruntukan undang-undang No.5, 1979m. mengenai prosedur perlantikan kadi, di mana Yang Dipertua bagi mahkamah-mahkamah wilayah selatan bersama Menteri Besar wilayah berkenaan akan menyemak senarai calon yang menepati syarat pencalonan dan menilainya, kemudian diangkat kepada Kementerian Keadilan. Menteri keadilan akan memilih calon yang lebih layak untuk dilantik sebagai kadi secara rasmi setelah mendapat persetujuan daripada badan kehakiman.⁴

Dalam perkembangan terbaru mengenai bidang kuasa perlantikan kadi iaitu apa yang dinyatakan dalam seksyen 52, akta Pegawai Kehakiman 2000, bahawa setiausaha bertanggungjawab untuk menyenaraikan nama-nama calon yang berminat dengan jawatan kadi yang ditawarkan, kemudian senarai nama calon itu akan dikemukakan kepada panitia ahli jawatan kuasa⁵ untuk

³ *Ibid.* h.102.

⁴ Visit Limanon(1982), *Dato' Yutitham*, dalam Karn Samana Karn Chai Kodmai Islam Nai Khet Changwat Patani, Narathiwat, Ya'la Lea' satul, Bangkok: Kementerian Keadilan, h.362.

⁵ Mengikut seksyen 47(2),(5) Akta Pegawai Kehakiman 2000.

dibincangkan. Calon-calon yang terpilih akan diangkat kepada Kementerian Keadilan untuk memilih calon yang paling layak, kemudian akan diangkat pula kepada Perdana Menteri untuk disahkan dan akhirnya dipersembahkan kepada raja untuk diperkenankan.

Yang menjadi tanda tanya tentang kuasa perlantikan kadi di wilayah Narathiwat, Selatan Thai ialah sejauh mana hukum perlantikan kadi oleh pemerintah yang bukan Islam? Untuk menjawab soalan ini, para ‘ulama’ telah membincangkan secara terperinci tentang kedudukan hukum Islam bagi menangani perkara tersebut. Menurut rumusan Dr. Abdul Karim Zaidan dalam bukunya “*Nizām al-Qadā’ Fi al-Syari’ah al-Islāmiyyah*” bahawa sekiranya orang Islam berada di bawah pemerintahan kafir dalam keadaan yang tidak memungkinkan mereka menentukan kadi sendiri melainkan dengan persetujuan pemerintah tersebut, maka hendaklah para ‘ulama’ dan bijak pandai Islam mencalonkan orang yang layak untuk dilantik oleh pemerintah itu sebagai kadi. Ini seolah-olah perlantikan datang dari mereka, bukan dari pemerintah kafir itu.⁶

Pandangan inilah yang sedang digunakan dalam soal perlantikan kadi di Wilayah Narathiwat dan tiga wilayah lain di Selatan Thai, walaupun dari sudut kelayakan dan bijak pandai tidak setepat yang dikehendaki, namun tok-tok imam yang berperanan memilih calon untuk dilantik, boleh digolongkan sebagai ‘ulama’ dan bijak pandai tempatan secara *darūrah*.

⁶ Abdul Karim Zaidan (Dr.) (1995), *Nizām al-Qadā’ Fi al-Syari’ah al-Islāmiyyah*, Cet.3, Amman Jordan: Dār al-Basyir Li al-Nasyr Wa al-Tawzī’, h.37.

1.2. Prosedur Perlantikan.

Memandangkan undang-undang Islam tidak dikenali oleh kerajaan Thai sebagai satu undang-undang yang dikanunkan sepertimana undang-undang yang terdapat dalam pentadbiran moden, terutama bila ia diperlihatkan oleh keadaan ‘ulama’ setempat yang belum dapat memahami konsep tersebut. Tanggapan sedemikian menjadi lebih ketara ketika ‘ulama’-‘ulama’ diberi amanah untuk mengendalikan kes-kes kekeluargaan dan pusaka orang Islam dalam sistem kehakiman moden.

Oleh kerana pemutusan kes dibuat berdasarkan sumber-sumber asli yang belum diadakan kesepakatan dan keselarasan di atas satu landasan yang jelas, maka sudah tentu keputusan yang diambil dilihat sebagai tidak konsisten dan berbeza-beza. Ini disebabkan oleh hukum-hukum yang terdapat dalam kitab-kitab klasik masih dalam bentuk fatwa dan hukum yang belum terkumpul, selain daripada ia masih dalam proses keserasian antara perundangan Islam dengan sistem kehakiman moden.

Memandangkan keadaan sedemikian, kerajaan Thai semasa pemerintahan raja Chulalongkorn cuba membangun satu struktur kehakiman kadi bagi wilayah-wilayah selatan. Antara kandungan yang dijelaskan oleh instruksi Pentadbiran Kementerian Dalam Negeri No.7/9669,10 Oktober 1902) adalah :⁷

1. Gabenor harus memilih tok haji, yang berpengalaman tentang Qur'an dan berpengaruh sebagai “Tok Qadi”. Jumlahnya terserah kepada gabenor tetapi tidak kurang daripada 6 orang, mereka akan bersidang dalam kes-

⁷ Narong Sripachana(1975), *Op.cit.* h 48-51.

- kes kekeluargaan Islam dan pusaka. Pemilihan itu harus dipersetujui oleh gabenor general daerah.
2. Apabila perbalahan yang melibatkan orang-orang Islam, maka pihak yang terbabit berhak memilih kadi-kadi yang dilantik untuk memutuskan keses mengikut hukum Islam dan Adat.
 3. Jika kadi lebih dari seorang dan keputusan tidak sepakat, maka mereka harus memilih seorang daripadanya sebagai ketua penal dan pendapat majoriti sebagai keputusan.
 4. Kadi mesti meneliti kes-kes yang diajukan, jika perlu kepada saksi maka segala kemudahan harus disediakan. Saksi harus bersumpah sesuai dengan hukum Islam dan adat, jika tidak ada peraturan itu, hendaklah dirujuk kepada undang-undang pembuktian *Ratnakosin* 113 (1894m.)
 5. Bila sidang kadi telah membuat keputusan, maka hakim Thai akan mempersetujui keputusan itu. Segala denda atau bayaran yang dikenakan hendaklah diputuskan oleh kadi mengikut hukum Islam dan adat kebiasaan.
 6. Apabila keputusan final dibuat oleh hakim Thai mengikut keputusan kadi, tidak boleh dibuat rayuan kecuali keputusan itu menyimpang dari keputusan kadi.

Dalam kenyataan di atas menunjukkan bahawa prosedur perlantikan kadi masih dipengaruhi oleh polisi penjajahan Thai ke atas Patani. Kuasa perlantikan dimandatkan sepenuhnya kepada Petadbiran Kementerian Dalam Negeri dan kadi diletakkan di bawah kekeuasaan gabenor general. Di peringkat ini perlantikan kadi masih belum memakai prosedur yang jelas, hanya boleh dianggap sebagai

satu usaha kerajaan untuk melayani tuntutan orang Islam yang masih sangat merasai tentang campur tangan asing ke atas urusan mereka.

Setelah keadaan sudah berubah, kuasa perlantikan kadi dilakukan di bawah naungan Kementerian Keadilan, maka perlantikan kadi digariskan dengan satu prosedur yang agak jelas, walaupun mengalami proses perubahan mengikut kuasa polisi pemerintahan semasa. Berdasarkan peruntukan undang-undang pentadbiran mahkamah, artikal No.13,44,45 tahun 1978m., Kementerian Keadilan telah mengeluarkan satu peruntukan undang-undang No.5, 1979m. mengenai prosedur pemilihan dan perlantikan kadi adalah seperti berikut:

1. Ketua mahkamah di wilayah berkenaan mengeluarkan pengumuman dan mendaftarkan nama-nama calon bagi jawatan kadi yang terdiri daripada mereka yang menepati syarat-syarat yang terkandung dalam undang-undang pentadbiran mahkamah artikal No.44/1978m.
2. Setelah tamat tempoh pencalonan, maka Yang Dipertua mahkamah wilayah selatan bersama Menteri Besar wilayah berkenaan akan menyemak senarai calon yang menepati syarat pencalonan dan menilainya, kemudian diangkat kepada Kementerian Keadilan.
3. Kementerian keadilan akan memilih calon yang lebih layak untuk dilantik sebagai kadi secara resmi setelah mendapat persetujuan daripada Badan Kehakiman.⁸

⁸ Visit Limanon(1982), *Op.cit.* h.362.

Apabila berlaku kekosongan jawatan kadi dalam satu-satu wilayah, maka Kementerian Keadilan melalui ketua umum bagi mahkamah-mahkamah wilayah selatan mengeluarkan pengumuman kepada Majlis Agama Islam di wilayah berkenaan untuk menyenaraikan nama calon yang akan didaftarkan dalam senarai pencalonan jawatan kadi. Kemudian senarai calon tersebut diangkat kepada Kementerian Keadilan. Setelah semakan terhadap kelayakan calon dilakukan, maka nama-nama calon diumumkan dan dilakukan acara pengundian oleh para tok imam masjid dalam wilayah berkenaan, calon yang mendapat majoriti undi, dialah yang akan dilantik sebagai kadi, kemudian calon tersebut diangkat lagi kepada Kementerian Keadilan untuk dilantik secara rasmi sebagai kadi atau *Dato' Yutitham*.⁹

Prosedur pemilihan dan perlantikan, dari semasa ke semasa berlaku penambahan dan pengubahsuaian dari segi teknikalnya. Mengikut seksyen 52, Akta Pegawai Kehakiman tahun 2000m., dapat dirumuskan sebagai tambahan dari prosedur di atas bahawa:

1. Sesi pencalonan diumumkan kepada kaum muslimin di wilayah berkenaan dengan syarat-syarat pencalonan dan calon (*Mengikut Akta Pegawai Kehakiman Bil.7 tahun 1992m. dan peraturan khas kementerian*). Kemudian senarai nama calon tersebut akan dikemukakan kepada panitia ahli jawatan kuasa mengikut seksyen 47(2),(5) untuk dibincangkan.

⁹ *Ibid.*

2. Calon-calon akan diberi kursus dan diuji tentang undang-undang Islam, peraturan pegawai kehakiman dan adab-adab kehakiman.
3. Calon-calon yang dipilih akan diangkat kepada Kementerian Keadilan untuk memilih calon yang benar-benar layak dengan proses yang dilihat sesuai.
4. Calon yang terpilih akan diangkat pula kepada Perdana Menteri untuk disahkan dan akhirnya dipersembahkan kepada raja untuk diperkenankan.

Dalam perkembangan mutakhir tentang proses pemilihan calon kadi bahawa pemilihan calon tidak lagi memakai cara pemilihan melalui pengundian dari para Tok Imam Masjid dalam Wilayah Narathiwat, tetapi pemilihan calon kadi dengan menggunakan cara ujian dan peperiksaan bertulis. Cetusan idea ini adalah hasil pengamatan para kadi terdahulu yang melihat bahawa cara pengundian dari suara tok-tok imam masjid itu terdapat beberapa perkara yang dianggap sebagai suatu yang negatif, di mana calon yang mendapat tempat terdiri daripada calon yang mempunyai pengaruh dalam masyarakat dan pandai memancing undi dengan menggunakan hadiah dan palbagai cara untuk meraih simpati para pengundi, walaupun pemenang tersebut tidak mempunyai kelayakan secukupnya untuk menjawat jawatan kadi.¹⁰

Idea tersebut disambut baik oleh pihak Kementerian Keadilan, maka bermula pada pemilihan kadi tahun 1987m. telah dilaksanakan cara ujian

¹⁰ Hasil temubual permulis dengan kadi Wilayah Narathiwat sekarang; Dato' Nik Wan 'Ali. *Op.cit.* Beliau adalah sebagai kadi pertama yang dilantik melalui cara peperiksaan.

kelayakan dengan peperiksaan bertulis, calon yang lulus dan mendapat markah terbanyak, dialah yang layak dilantik sebagai kadi. Manakala penyediaan soalan, pengendalian dan pemeriksaan adalah di bawah satu *lajnah* yang dibentuk yang terdiri daripada kadi, ‘ulama’ yang dijemput, wakil Majlis Agama Islam dan pegawai kehakiman. Skop soalan pula mencakupi dua bidang; undang-undang Islam dan undang-undang sivil yang berkaitan seperti prosedur perbicaraan kes dan sebagainya. Selain dari itu tatacara perlantikan kadi adalah mengikut peraturan yang sedia ada.¹¹

Tetapi seorang mantan kadi Wilayah Narathiwat berpendapat bahawa pemilihan kadi secara pengundian suara Tok-tok Imam adalah lebih kemas dan lebih menepati kehendak syarak kerana kadi benar-benar dipilih oleh pemuka-pemuka agama secara menyeluruh yang boleh digolongkan sebagai *Ahlu al-Halli Wa al-'Aqdi*, walaupun di sana terdapat beberapa mainan kotor yang dilakukan oleh calon-calon kadi, namun ia boleh diatasi dengan mengemaskinikan tentang syarat-syarat pencalonan dan cara mengendalikan pengundian. Selain dari itu, kadi langsung mendapat mandat dari masyarakat dan dukungan yang padu dari mereka.¹²

¹¹ Hasil temubual pernulis dengan Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat; Mustafa bin Abdullah. *Op.cit.*

¹² Hasil temubual pernulis dengan mantan kadi; Dato' Wan Husein bin Dato' Wan Abd.Rahman. Beliau sebagai kadi yang pertama dilantik melalui pengundian dari Tok-tok Imam. *Op.cit.*

1.3. Syarat dan Kelayakan kadi.

Institusi kehakiman adalah satu badan yang terpenting bagi sebuah masyarakat dan negara¹³ serta mempunyai kedudukan yang tinggi dan murni, terutama di pandangan masyarakat awam kerana dari badan itu mereka akan mendapat kata putus yang terakhir, samada keputusan itu memberikan kegembiraan kerana menyebelahinya atau mengecewakannya kerana keputusan memihak kepada lawannya.

Mengikut keadaan masyarakat awam di Wilayah Narathiwat, badan kehakiman secara formal adalah sebagai tempat rujukan yang terakhir setelah gagal mencapai kata sepakat secara damai atau secara *tahkim* kerana pada pandangan masyarakat, adalah menjadi satu ke'aipan yang besar bila sebarang persengketaan sampai keperingkat perbicaraan mahkamah.

Walaupun kes-kes mereka dibicarakan oleh kadi Islam, namun kedudukan kadi di mahkamah bukan Islam dianggap bukan bertujuan untuk memenuhi kepentingan orang Islam. Terdapat kadi yang dilantik daripada keluarga yang berpengaruh yang mempunyai latar belakang pendidikan yang kurang normal, sekalipun pada dasarnya kadi henhaklah terdiri daripada orang-orang yang berpengetahuan dalam undang-undang Islam. Sebab itu kadi selalunya tidak diberi tumpuan. Kebanyakan perbalahan yang melibatkan kekeluargaan dan pusaka diselesaikan oleh imam dan guru-guru agama dalam masyarakat.¹⁴

¹³ Mahmud Saedon A Othman(Dr.)(1991), *Kadi: Perlantikan, Perlucutan dan bidang kuasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.3.

¹⁴ Wan kadir Che Man(1998), *Islam di Patani Semasa*, dalam Minoriti Muslimin di Thailand, Selangor: L.Minda, h.74.

Memandangkan kedudukan kadi berada dalam barisan pemutus hukum yang wajib dipatuhi oleh semua pihak, maka kelayakan kadi menjadi topik penekanan utama kepada seseorang yang akan mencalonkan diri sebagai kadi kerana kelayakan itu akan mempengaruhi keputusannya nanti. Mengenai kelayakan seorang yang berminat untuk mencalonkan diri dalam senarai pencalonan bagi jawatan kadi di Mahkamah Wilayah untuk menyelaikan kes-kes yang melibatkan orang Islam dalam hal-hal kekeluargaan dan pusaka, Kementerian Keadilan telah menentukan beberapa syarat yang mesti dimiliki oleh seorang calon dengan mengeluarkan undang-undang perlantikan kadi tahun 1978m. pindaan daripada undang-undang mahkamah yang dikeluarkan pada tahun 1954m. adalah seperti berikut:¹⁵

1. Calon hendaklah terdiri daripada seorang yang beragama Islam.
2. Umur calon hendaklah tidak kurang daripada 30 tahun ke atas.
3. Calon mesti mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang hukum-hukum syariah Islam dan berkemampuan mengendalikan kerja-kerja kehakiman yang akan mengadili kes-kes perbalahan antara orang Islam dalam hal-hal yang berkaitan dengan kekeluargaan dan pusaka.
4. Calon juga hendaklah seorang yang mahir dalam bahasa Thai iaitu sekurang-kurangnya calon memiliki sijil awal persekolahan rasmi kerajaan atau sijil-sijil yang setaraf dengannya.
5. Seorang calon hendaklah daripada rakyat Thailand yang sah, iaitu mempunyai sijil kelahiran Thailand dan kad pengenalan diri (IC) Thailand. Untuk menjawat sebarang jawatan di semua jabatan kerajaan Thai, syarat ini

¹⁵ Visit Limanon(1982), *Op.cit.* h.360.

adalah syarat utama dan wajib pada seseorang pemohon. Sebenarnya syarat kerakyatan Thai tidak termaktub dalam senarai syarat calon kadi daripada undang-undang berkenaan, tetapi sudah menjadi uruf kerajaan bahawa apa-apa penjawatan di jabatan rasmi kerajaan harus menepati syarat tersebut.¹⁶

Berhubung dengan syarat kelayakan yang diperuntukkan di atas, penulis berpendapat bahawa kelayakan yang disebut dalam pecahan yang ketiga terlalu luas, tidak dinyatakan tahap pencapaian tertentu dari segi akademik dan kelulusan-kelulusan yang boleh diakui. Dengan keluasan syarat ini amat sesuai dengan kematangan akademik yang ada pada golongan ilmuwan agama di wilayah selatan Thai, terutama di Wilayah Narathiwat. Dewasa ini ramai yang memiliki kelulusan akademik, tetapi tidak banyak yang mencapai tahap ilmu yang layak dijawatkan sebagai kadi, kerana persekitaran semasa tidak menyumbang ke arah perkembangan ilmu, berbanding dengan ‘ulama’ dulu yang rata-rata mempunyai kedudukan ilmu yang tinggi, walaupun masih belum boleh degelar sebagai mujtahid.

Dato’ Abdullah Tuan Midin selaku kadi di Mahkamah Wilayah Narathiwat sekarang ini juga berpendapat bahawa syarat yang digariskan dalam peruntukan tersebut adalah terlalu umum, mungkin untuk menyesuaikan dengan keadaan di masa itu yang sulit untuk mendapat calon yang dapat menguasai dua bidang pengajian; bidang agama dan bidang akademik. Tetapi dewasa ini ramai

¹⁶ Seksyen 27(11) Akta Pegawai Kehakiman 1978m.

yang mencapai dua kelulusan itu, walaupun dari segi ilmu pengkhususan kehakiman belum terjurus secara terancang. Dengan itu, cara pemilihan calon melalui peperiksaan juga dapat mempertingkatkan kedudukan kadi yang dilantik dari calon yang terpilih dan berkemahiran dalam dua bidang tersebut. Namun begitu, para kadi telah berusaha untuk mengajukan projek pengubahsuaian syarat kadi agar lebih mantap daripada apa yang termaktub dalam peruntukan yang ada, tetapi hingga sekarang belum ada tindakan daripada pihak berkuasa.¹⁷

Bagaimanapun para ilmuwan tempatan, samada dahulu atau sekarang, mereka tidak diberi pendedahan dan bimbingan tentang prosedur dan metode kehakiman, terutama yang diamalkan dalam institusi kehakiman moden, seperti yang berlaku di kebanyakan negara-negara Islam, contohnya di Malaysia, adanya kursus dan bimbingan tehadap pegawai-pegawai kehakiman, wujudnya pengajian kehakiman seperti diploma kehakiman Islam dan sebagainya.

Sebab itu kadi-kadi yang dilantik dipandang rendah dan tidak setanding dengan hakim-hakim yang seduduk dengan mereka di mahkamah-mahkamah wilayah selatan Thai. Oleh itu, penulis menyarankan supaya pihak berkuasa mengadakan bidang pengajian khusus tentang kehakiman dan fatwa atau sekurang-kurangnya mengadakan kursus secara intensif untuk memberi pendedahan yang secukupnya kepada calon-calon kadi dan orang-orang yang terlibat dalam khidmat keagamaan seperti tok-tok imam, pegawai-pegawai Majlis Agama Islam dan sebagainya. Kerana akibat dari perubahan yang berlaku dari

¹⁷ Hasil temubual pernulis dengan Dato' Abdullah Tuan Midin. *Op.cit.*

palbagai sudut kehidupan, maka perubahan yang melibatkan penanganan hukum syarak terhadap kes-kes yang belum ditangani oleh ‘ulama’ dalam kitab-kitab klasik, perlu ada jawapan hukum baru yang sesuai dengan nilai-nilai setempat dan semasa.¹⁸

Kalau dibandingkan dengan syarat dan kelayakan seorang calon yang akan dilantik sebagai kadi mengikut pandangan Islam,¹⁹ di sana ada beberapa perkara yang lebih dan ada pula yang kurangnya. Syarat yang ditambah daripada apa yang disenaraikan oleh para ‘ulama’ Islam ialah membatasi umur calon kadi dari 30 tahun ke atas, berkemahiran dalam bahasa Thai dan calon juga mesti mempunyai kerakyatan Thailand atau lebih tepat, anak kelahiran tempatan.

Syarat-syarat di atas, walaupun pada lahirnya nanopak sudah terkeluar dari kandungan syarat yang disebut oleh ‘ulama’ Islam.²⁰ Tetapi pada hakikatnya ia tidak bercanggah atau menyalahi hukum syarak, kerana syarat umur sudah melebihi batas bāligh, malah yang dikehendaki dengan kata bāligh dari sudut kehakiman ialah mencapai tahap kematangan dalam sebarang penilaian dan tindakan. Mengenai syarat kemahiran dalam bahasa Thai dan kerakyatan Thai adalah sebagai tanda atau identiti bagi penguasaan pemrintah terhadap taklukannya.

¹⁸ Mahmud Zuhdi Hj. Abdul Majid (Dr.)(1999), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*, dalam Abdul Karim Ali (Dr.) dan Raihanah Hj.Azahari (Penyunting), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h.5.

¹⁹ Syarat kelayakan kadi mengikut Islam telah dibincangkan dalam bab yang lepas.

²⁰ al-Māwardī, Abī al-Hasan ‘Alī bin Muhamad bin Habīb(t.t), *al-Ahkām al-Sultāniyyah*, Beirut: Dār al-Fikr, h.65.

Mengikut syarat yang dikenakan sekarang kepada setiap calon kadi yang akan mengambil ujian kelayakan kadi ialah mesti mendapat kelulusan akademik sekolah kebangsaan Thai, sekurang-kurangnya lulus di peringkat menengah atas (*M6/High School*), manakala bahagian pengajian Islam hendaklah sekurang-kurangnya lulus akhir *Thānawīyyah*. Tetapi kebanyakannya calon bagi pemilihan setakat ini, memiliki ijazah sarjana muda dalam bahagian pengajian Islam atau syariah, walaupun tidak ada pengkhususan kehakiman Islam secara langsung.²¹

Manakala syarat yang amat penting bagi seorang kadi mengikut penulisan ‘ulama’ Islam dan ia tidak disebut dalam peruntukan di atas ialah syarat lelaki dan keadilan. Dalam senarai syarat calon kadi menurut peruntukan di atas, tidak disebut syarat “lelaki”. Ini menunjukkan bahawa perempuan juga berhak mencalonkan diri bagi menduduki jawatan kadi, sedangkan dalam Islam syarat ini merupakan syarat kontroversi dikalangan ‘ulama’ Islam, tetapi calon ‘kadi’ hendaklah seorang lelaki adalah pendapat yang lebih asah,²² walaupun penjawatan kadi di Narathiwat dan wilayah-wilayah lain setakat ini belum pernah ada seorang perempuan yang dilantik sebagai kadi.

Tentang syarat keadilan, peruntukan di atas tidak menyebutnya, sedangkan dalam Islam syarat ini diberi penekanan yang tinggi oleh para ‘ulama’. Memandangkan syarat ini tidak disenaraikan dalam peruntukan di atas, maka orang yang *fāsiq* dalam penilaian agama juga boleh mencalonkan diri bagi

²¹ Hasil temubual pernulis dengan Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat, Mustafa bin Abdullah. *Op.cit.*

²² Muhammad Ra'fat Uthmān(Dr.)(1994), *al-Nizām al-Qadā'i Fi al-Fqh al-Islāmī*, Cet.2, al-Kahrah: Dār al-Bayān, h.98.

jawatan kadi, asalkan tidak dipandang *fāsiq* dalam penilaian pemerintah dan para tok imam serta mempunyai pengaruh yang luas di kalangan mereka, kerana calon ditentukan oleh pemerintah dan dipilih oleh para tok iman, apa lagi dengan cara pemilihan calon untuk dilantik sebagai kadi melalui peperiksaan, yang cemerlang akan terpilih menjadi kadi.

Sebenarnya ketentuan *ādil* atau *fāsiq* adalah hasil daripada penilaian dan pengamatan oleh pihak berkenaan melalui format tertentu, tetapi ia boleh digariskan dalam bentuk syarat, seperti tidak pernah disabitkan dalam kesalahan jenayah, kes-kes rasuah dan penipuan, salahlaku sex atau perzinaan dan sebagainya. Oleh itu, syarat keadilan dengan konsep yang wajar perlu dimuatkan dalam senarai syarat dan kelayakan seorang calon kadi yang akan duduk dalam mahkamah-mahkamah di wilayah selatan.

2. Perlucutan.

Pendahuluan.

Menjadi satu kelaziman dalam mana-mana pentadbiran bahawa pihak yang mempunyai bidang kuasa untuk membuat perlantikan terhadap sesuatu jawatan, maka pihak berkenaan juga mempunyai bidang kuasa untuk melucutkan jawatan tersebut dengan mengikut prosedur yang sama. Dalam satu sistem pentadbiran yang mempunyai taklukan yang luas, samada dari sudut geografi atau dari sudut bidang kerja, pimpinan teratas memiliki keseluruhan kuasa dalam pentadbiran, termasuk kuasa perlantikan dan perlucutan. Kuasa ini boleh diserahkan kepada bawahannya, samada secara pakej atau dalam satu-satu sudut sahaja. Hal yang

demikian juga berlaku dalam bidang kuasa perlantikan dan perlucutan, kadang-kadang dimandatkan kuasa perlantikan dan tidak dimandatkan kuasa perlucutan. Bagaimanapun kuasa teratas berhak di atas segala hal pentadbiran, sekalipun telah diserahkan kepada pihak bawahan.

Pada dasarnya tindakan memecat atau melucutkan penjawatan kadi adalah dianggap sebagai suatu pencabulan terhadap prinsip kebebasan kadi itu sendiri. Kadi akan merasa terganggu dan terancam dengan adanya tindakan pemecatan terhadap jawatan yang disandangnya, malah secara logiknya, kadi akan selalu bertunduk dan berada di bawah telunjuk kuasa berkenaan dalam menjalankan kerja-kerja kehakiman. Tetapi membiarkan keadaan yang rosak berterusan tanpa apa-apa tindakan juga amat tidak logik, seperti kadi yang telah melanggar peraturan dan kod etika kehakiman atau sudah tidak berupaya mengendalikan urusan kehakiman.²³ Justeru tindakan perlucutan dan pemecatan kadi tidak harus diperlakukan dengan sewenang-wenangnya, harus ada suatu prosedur yang kekat dengan alasan-alasan yang kukuh menerusi proses tertentu. Pengendalian kerja-kerja kehakiman memerlukan kemahiran dan pengalaman yang cukup dan mantap, kemahiran dan pengalaman tidak akan dicapai dalam tempoh penjawatan yang singkat, ia memerlukan kesenioran dalam bekerja untuk meraih pengalaman dan kecekapan, jadi pertukaran kepada orang baru juga merupakan satu faktor kelemahan dalam kerjaya kehakiman.

²³ Khairullah Talfāh(1973), *al-Qaddā' Ind al-'Arab*, Baghdād: Maṭba'ah al-Ma'ārif, h.139.

2.1. Sebab-sebab Perlucutan.

Memandangkan tindakan memecat atau perluctan jawatan adalah suatu tindakan yang amat sensitif, maka ia hendaklah merentasi prosedur yang ketat dengan sebab-sebab tertentu. Sebab pemberhentian dari jawatan pula mestilah mengikut apa yang dijelaskan oleh peruntukan undang-undang, tidak boleh diasaskan di atas sebab yang difikir munasabah oleh pihak yang bersangkutan, kerana tindakan yang diasaskan atas pengamatan semata-mata adalah relatif dan boleh dipertikaikan keasahannya.

Tentang sebab-sebab perlucutan penjawatan kadi adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Pegawai Kehakiman 1978m., seksyen 13,44 dan 45, memberi kuasa kepada Kementerian Keadilan mengeluarkan beberapa peraturan bagi kadi, iaitu dalam perkara (4-7) tahun 1979m. Di dalam pekara (4) tahun 1979m. menyatakan sebab-sebab pemberhentian kadi dari bekerja dalam jawatannya adalah seperti berikut:

1. Apabila seorang kadi telah meninggal dunia.
2. Kadi telah mendapat keizinan untuk bercuti panjang.
3. Apabila telah mencapai umur persaraan mengikut peraturan pegawai kerajaan.
4. Apabila dipanggil untuk berkhidmat dalam tentera.
5. Diarah supaya meletak jawatan atau bersara.²⁴

²⁴ Seksyen 44, Akta Pegawai Kehakiman 1978m.

Dalam perkara (5) tahun 1979m. pula menjelaskan peraturan perletakan jawatan, di mana apabila kadi berhasrat untuk meletak jawatan yang disandang, ia mesti mengemukakan permohonan kepada ketua hakim di mahkamah berkenaan, jika permohonan diterima dengan persetujuan Ahli Jawatan Kuasa Kehakiman, maka permohonan itu diluluskan dan jawatan itu dikosongkan.

Dalam perkara (6) tahun 1979m. menyentuh tentang hak Kementerian Keadilan melucutkan jawatan kadi bilamana kadi telah melakukan kesalahan etika dan moral.²⁵ Tindakan pemecatan ini harus mendapat persetujuan daripada Ahli Jawatan Kuasa Kehakiman.

Manakala dalam perkara (7) tahun 1979m. memberi wewenang kepada kementerian menggesa kadi supaya meletak jawatan apabila kementerian melihat bahawa kadi dalam keadaan yang amat sesuai untuk berbuat demikian. Penggesaan tersebut boleh dibuat bilamana kadi sedang berada dalam salah satu keadaan berikut:

- a) Apabila terbukti bahawa kadi telah melanggar peraturan kehakiman yang boleh diambil tindakan dengan peletakan jawatan, atau
- b) Cuai dalam melaksanakan tugas, atau
- c) Ternyata tidak berkemampuan untuk memikul tanggungjawab, atau
- d) Mempunyai moral yang rendah, atau
- e) Mengalami keuzuran diri yang boleh mengganggu tugas hariannya, atau

²⁵ *Ibid.*

- f) Mencebur diri sebagai ahli politik atau anggota Dewan Senat, atau
- g) Di batalkan taraf kerakyatan Thai.²⁶

Mengenai sebab-sebab perlucutan jawatan di atas, penulis berpendapat bahawa ia amat wajar dan sesuai, malah perlu diperketatkan lagi daripada apa yang ada, kerana ia boleh dianggap sebagai salah satu cara untuk mengawal kedudukan kadi dari melakukan sebarang pelanggaran yang merosakkan institusi kehakiman itu sendiri, seperti menerima rasuah atau dipengaruhi. Tetapi kalau dibandingkan dengan kehakiman Islam tentang sebab-sebab yang membawa kepada perlucutan kadi dari jawatannya adalah lebih ketat dan tegas, terutama yang melibatkan keadilan dan kod etika kehakiman. Sebagai contoh, Khalifah dalam kerajaan Umayyah; Hisyām bin Abdul Malik telah mengirim surat kepada walinya di Mesir; al-Walīd ibn Rifa'ah supaya memecat Yahyā bin Maimūn al-Hadramī dari jawatan kadi yang disandangnya sejak tahun 105h. kerana menghukum dengan hawa nafsu, dan diceritakan bahawa kes tidak akan dibicarakan melainkan setelah mendapat rasuah.²⁷

2.2. Langkah dan Prosedur Perlucutan Jawatan.

Seseorang yang menjawat jawatan kadi harus mempunyai keterampilan diri yang cukup mantap, seperti berdisiplin dalam menjalankan kerja dan bertatasila yang kukuh mengikut peraturan yang ditetapkan. Untuk mengawal kedudukan ini, pihak Yang Dipertua Mahkamah Tinggi berhak memantau keadaan kadi bila berlaku pelanggaran kod etika kehakiman. Pemantauan itu dilakukan dengan

²⁶ Seksyen 27(11) Akta Pegawai Kehakiman 1978m.

²⁷ 'Aṭiyah Muṣṭafā Musyrifah(1966), *Op. cit.* h.161, Khairullah Talfah(1973), *Op. cit.* h.143.

membentuk satu unit untuk menjalankan penyiasatan, samada kadi itu perlu dipecat atau masih boleh diteruskan perkhidmatannya.²⁸

Sekiranya berlaku sebab-sebab perlucutan dalam kategori yang tidak dikaitkan dengan kehendak usaha dan campur tangan dari mana-mana pihak, seperti kadi meninggal dunia atau kadi telah mencapai umur persaraan yang ditetapkan tanpa disambungkan perkhidmatannya secara kontrak, sebagaimana yang disebut dalam perkara (4) 1979m. Dalam keadaan ini kekosongan jawatan tidak memerlukan proses perlucutan kerana secara automatik pencalonan dan penjawatan baru perlu dilakukan. Manakala kadi yang ditimpa kezuran yang tidak memungkinkannya menjalankan tugas, seperti yang disebut dalam perkara yang sama, pada waktu ini kadi dinasihatkan oleh Kementerian Keadilan supaya meletak jawatan dan memberi peluang kepada orang lain untuk menjalankan tugas, seperti yang dinyatakan dalam perkara (7) 1979m., dan perletakan jawatan kadi adalah mengikut prosedur yang dijelaskan dalam perkara (5) tahun 1979m.

Dalam kategori di atas sebab kerelaan kadi itu sendiri iaitu kadi berhasrat untuk meletak jawatan yang disandang seperti yang disebut dalam perkara (5) tahun 1979m., atau kadi telah mendapat keizinan untuk bercuti panjang seperti yang dinyatakan dalam perkara (4) tahun 1979m., atau kadi telah menceburkan diri sebagai ahli politik atau sebagai anggota senat seperti yang dijelaskan dalam perkara (7) tahun 1979m. Dengan sebab terakhir ini kadi akan digesa oleh Kementerian Keadilan supaya meletak jawatan. Dalam keadaan ini, samada

²⁸ Seksyen 54, Akta Pegawai Kehakiman 2000m.

dengan kerelaan kadi sendiri atau dengan digesa oleh pihak berkuasa, kadi dikehendaki melakukan proses peletakan jawatan seperti yang diperuntukkan dalam perkara (5) tahun 1979m., di mana ia mesti mengemukakan permohonan kepada ketua hakim di mahkamah yang didudukinya, jika permohonan diterima dengan persetujuan oleh Ahli Jawatan Kehakiman, maka permohonan itu diluluskan dan jawatan itu dikosongkan.

Manakala dalam kategori perlucutan jawatan yang dikaitkan dengan tindakan pihak berkuasa ke atas kadi atau satu keadaan yang memaksa kadi melucutkan jawatanya atau terlucut secara automatik, seperti kadi didapati telah melanggar kod etika kehakiman dan tidak bermoral atau rendah moral yang tidak melayakkannya lagi untuk terus menjadi kadi sebagaimana yang dijelaskan dalam perkara (6) tahun 1979m. Bila hal ini berlaku, Yang Dipertua Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa untuk memantau keadaan kadi, dengan membentuk satu unit bagi menyiasat perkara itu.²⁹ Keputusan pemecatan dari penyiasatan tersebut dan tindakannya mesti mendapat persetujuan daripada Ahli Jawatan Kuasa Kehakiman.

Jika kadi didapati cuai dalam menjalankan tugas kehakiman atau tidak berkemampuan lagi untuk meneruskan kerja-kerja kadi seperti yang dinyatakan dalam perkara (7) tahun 1979m., maka kadi akan diberi nasihat oleh Kementerian Keadilan supaya meletak jawatan mengikut prosedur yang digaris dalam perkara (5) tahun 1979m. Manakala perlucutan jawatan kadi disebabkan

²⁹ *Ibid.*

oleh pembatalan taraf kerakyatannya, samada dari pihaknya atau dari pihak berkuasa, maka perlucutan tidak memerlukan sebarang prosedur, malah penjawatannya turut terbatal secara automatik.³⁰

³⁰ Seksyen 27(11), *Op.cit.*

BAB
KETICA

BAB III

PERLANTIKAN DAN PERLUCUTAN KADI DI NARATHIWAT

1. Perlantikan

Pendahuluan.

Kehakiman adalah sebagai satu badan yang *daruri* mesti diwujudkan untuk menangai permasalahan hidup masyarakat yang melewati batas perdamaian menuju ke kancah persengketaan. Sebagai tunggak asas bagi institusi tersebut adalah keadilan dan kesaksamaan, tanpa dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif yang lain, demi mencapai objektif utamanya iaitu keadilan dalam sebarang penyelesaian yang diminta.

Keadilan pada umumnya merupakan prinsip agung yang sentiasa diperjuangkan oleh nurani umat manusia, sehingga ia dijelmakan dalam bentuk gerakan dan pertubuhan tertentu supaya yang berhak mendapat haknya sekalipun jika terpaksa mengorbankan harta atau jiwa. Rakyat Patani telah terpanggil untuk menuntut keadilan itu melalui proses kehakiman yang sedia ada dalam syariah Islam, walaupun daripada pemerintah kafir sebagai penguasanya. Bagi menyahut keperluan tersebut pihak penguasa Thailand telah berupaya menempatkan kadi muslim bersama hakim sivil di mahkamah sivil wilayah untuk membicarakan kes-kes kekeluargaan Islam dan pusaka yang diajukan oleh orang Islam dari empat wilayah selatan Thailand.

Pada mulanya pihak pemerintah menemui kesukaran untuk memilih calon yang berkelayakan bagi jawatan kadi, tetapi apabila zaman dan suasana sudah

berubah, maka tidak sedikit pula yang tampil menawarkan diri bagi mengisi jawatan tersebut. Oleh yang demikian pihak pemerintah sekaligus berjaya menggariskan beberapa peraturan dan prosedur perlantikan kadi serta syarat-syarat kelayakan yang harus ada pada seseorang calon kadi.

Dalam pecahan berikut penulis akan cuba mengenali secara dekat tentang: Siapa yang mempunyai autoriti untuk melantik kadi? Bagaimana langkah-langkah atau prosedur perlantikan diadakan? Dan apakah syarat-syarat yang ditentukan bagi seseorang calon kadi?

1.1. Bidang Kuasa Perlantikan.

Perlantikan kadi di empat wilayah Selatan Thailand telah mengalami beberapa cara dan prosedur perlantikan, terutama dari segi wewenang dan mandat yang dilimpahkan oleh pemerintah pusat kepada pihak tertentu untuk menjalani proses perlantikan kadi. Pada masa pemerintahan Chulalongkorn, urusan perlantikan kadi dimandatkan kepada Pentadbiran Kementerian Dalam Negeri. Ini jelas terbukti dalam satu arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri No.7/9669,10/10/1902. bahawa gabenor harus memilih tok haji yang berpengetahuan tentang Qur'an dan berpengaruh sebagai "Tok Qadi". Jumlahnya terserah kepada gabenor tetapi tidak kurang daripada 6 orang, mereka akan bersidang dalam kes-kes kekeluargaan Islam dan pusaka. Pemilihan itu harus dipersetujui oleh gabenor general daerah.¹

¹ Narong Sripachana(1975), *Kwam Penma Khong Kodmai Islam Le' Dato' Yutitham*, Bangkok: PT. Popit Press, h 45-51.

Usaha menyerapkan orang Islam ke dalam struktur birokrasi di daerah *Montun Patani* diteruskan lagi oleh putra raja Chulalongkorn; raja Wachiravat (1910-1925), iaitu penampilan kadi dalam mahkamah dalam membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan kekeluargaan dan pusaka yang melibatkan orang Islam, tetapi perlantikan kadi diletakkan dibawah Kementerian Keadilan. Seperti mana yang ditetapkan oleh Kementerian Keadilan No.30/4353, 24 September 1917m. bahawa perlantikan kadi tersebut mesti mendapat persetujuan daripada raja sendiri. Ini bererti bidang kuasa raja dalam hal-hal keagamaan mencakupi kes-kes kekeluargaan Islam yang dianggap sebagai soal keagamaan secara sekular, kerana apabila sesuatu yang melibatkan campurtangan raja maka ia secara langsung menjadi wakil raja dalam urusan yang dimandatkan. Selain daripada itu, perlantikan kadi mesti mendapat persetujuan dari penal Dewan Negara sebelum ia diangkat kepada raja.²

Sungguhpun kedudukan ini nampak lebih berkuasa kerana langsung mengambil wewenang dari raja, namun ia juga dilihat lebih jelas tentang pencabulan raja bukan Islam terhadap kemurnian hukum Islam yang tidak terpisah dari kehidupan orang Islam khususnya di rantau Patani, termasuk Narathiwat. Pindaan juga berlaku pada istilah kadi, dari istilah “*Tok Qadi*”, kepada istilah “*Dato’ Yutitham*” iaitu satu istilah gabungan antara Melayu+Thai yang bermaksud Hakim yang amat dihormati. Kalau dahulu keputusan dibuat oleh satu sidang seramai enam orang kadi yang bersidang membuat keputusan,

² Surin Pitsuwan (1989), *Islam Di Muang Thai. Nasionalisme Melayu Masyarakat Patani*, Penterjemah: Hasan Basari, Pengantar: M.Dawam Rahardjo, Jakarta: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial, (LP3ES), h.102,104.

manakala mengikut perundangan baru ini hanya memerlukan dua orang kadi sahaja untuk duduk disamping hakim sivil,³ supaya tidak banyak berlaku perbezaan pendapat dalam membuat keputusan.

Seperti yang dinyatakan bahawa pihak yang diberi tanggungjawab untuk melantik kadi ialah Kementerian Keadilan, tetapi dari sudut langkah pengamatan diperkuuhkan lagi dengan ditambahkan prosedur pengesahan yang lebih ketat. Mengikut peruntukan undang-undang pentadbiran mahkamah, artikal No.13,44,45 tahun 1978m., Kementerian Keadilan telah mengeluarkan satu peruntukan undang-undang No.5, 1979m. mengenai prosedur perlantikan kadi, di mana Yang Dipertua bagi mahkamah-mahkamah wilayah selatan bersama Menteri Besar wilayah berkenaan akan menyemak senarai calon yang menepati syarat pencalonan dan menilainya, kemudian diangkat kepada Kementerian Keadilan. Menteri keadilan akan memilih calon yang lebih layak untuk dilantik sebagai kadi secara rasmi setelah mendapat persetujuan daripada badan kehakiman.⁴

Dalam perkembangan terbaru mengenai bidang kuasa perlantikan kadi iaitu apa yang dinyatakan dalam seksyen 52, akta Pegawai Kehakiman 2000, bahawa setiausaha bertanggungjawab untuk menyenaraikan nama-nama calon yang berminat dengan jawatan kadi yang ditawarkan, kemudian senarai nama calon itu akan dikemukakan kepada panitia ahli jawatan kuasa⁵ untuk

³ *Ibid.* h.102.

⁴ Visit Limanon(1982), *Dato' Yutitham*, dalam Karn Samana Karn Chai Kodmai Islam Nai Khet Changwat Patani, Narathiwat, Ya'la Lea' satul, Bangkok: Kementerian Keadilan, h.362.

⁵ Mengikut seksyen 47(2),(5) Akta Pegawai Kehakiman 2000.

dibincangkan. Calon-calon yang terpilih akan diangkat kepada Kementerian Keadilan untuk memilih calon yang paling layak, kemudian akan diangkat pula kepada Perdana Menteri untuk disahkan dan akhirnya dipersembahkan kepada raja untuk diperkenankan.

Yang menjadi tanda tanya tentang kuasa perlantikan kadi di wilayah Narathiwat, Selatan Thai ialah sejauh mana hukum perlantikan kadi oleh pemerintah yang bukan Islam? Untuk menjawab soalan ini, para ‘ulama’ telah membincangkan secara terperinci tentang kedudukan hukum Islam bagi menangani perkara tersebut. Menurut rumusan Dr. Abdul Karim Zaidan dalam bukunya “*Nizām al-Qadā’ Fi al-Syari’ah al-Islāmiyyah*” bahawa sekiranya orang Islam berada di bawah pemerintahan kafir dalam keadaan yang tidak memungkinkan mereka menentukan kadi sendiri melainkan dengan persetujuan pemerintah tersebut, maka hendaklah para ‘ulama’ dan bijak pandai Islam mencalonkan orang yang layak untuk dilantik oleh pemerintah itu sebagai kadi. Ini seolah-olah perlantikan datang dari mereka, bukan dari pemerintah kafir itu.⁶

Pandangan inilah yang sedang digunakan dalam soal perlantikan kadi di Wilayah Narathiwat dan tiga wilayah lain di Selatan Thai, walaupun dari sudut kelayakan dan bijak pandai tidak setepat yang dikehendaki, namun tok-tok imam yang berperanan memilih calon untuk dilantik, boleh digolongkan sebagai ‘ulama’ dan bijak pandai tempatan secara *darūrah*.

⁶ Abdul Karim Zaidan (Dr.) (1995), *Nizām al-Qadā’ Fi al-Syari’ah al-Islāmiyyah*, Cet.3, Amman Jordan: Dār al-Basyir Li al-Nasyr Wa al-Tawzī’, h.37.

1.2. Prosedur Perlantikan.

Memandangkan undang-undang Islam tidak dikenali oleh kerajaan Thai sebagai satu undang-undang yang dikanunkan sepertimana undang-undang yang terdapat dalam pentadbiran moden, terutama bila ia diperlihatkan oleh keadaan ‘ulama’ setempat yang belum dapat memahami konsep tersebut. Tanggapan sedemikian menjadi lebih ketara ketika ‘ulama’-‘ulama’ diberi amanah untuk mengendalikan kes-kes kekeluargaan dan pusaka orang Islam dalam sistem kehakiman moden.

Oleh kerana pemutusan kes dibuat berdasarkan sumber-sumber asli yang belum diadakan kesepakatan dan keselarasan di atas satu landasan yang jelas, maka sudah tentu keputusan yang diambil dilihat sebagai tidak konsisten dan berbeza-beza. Ini disebabkan oleh hukum-hukum yang terdapat dalam kitab-kitab klasik masih dalam bentuk fatwa dan hukum yang belum terkumpul, selain daripada ia masih dalam proses keserasian antara perundangan Islam dengan sistem kehakiman moden.

Memandangkan keadaan sedemikian, kerajaan Thai semasa pemerintahan raja Chulalongkorn cuba membangun satu struktur kehakiman kadi bagi wilayah-wilayah selatan. Antara kandungan yang dijelaskan oleh instruksi Pentadbiran Kementerian Dalam Negeri No.7/9669,10 Oktober 1902) adalah :⁷

1. Gabenor harus memilih tok haji, yang berpengalaman tentang Qur'an dan berpengaruh sebagai “Tok Qadi”. Jumlahnya terserah kepada gabenor tetapi tidak kurang daripada 6 orang, mereka akan bersidang dalam kes-

⁷ Narong Sripachana(1975), *Op.cit.* h 48-51.

- kes kekeluargaan Islam dan pusaka. Pemilihan itu harus dipersetujui oleh gabenor general daerah.
2. Apabila perbalahan yang melibatkan orang-orang Islam, maka pihak yang terbabit berhak memilih kadi-kadi yang dilantik untuk memutuskan keses mengikut hukum Islam dan Adat.
 3. Jika kadi lebih dari seorang dan keputusan tidak sepakat, maka mereka harus memilih seorang daripadanya sebagai ketua penal dan pendapat majoriti sebagai keputusan.
 4. Kadi mesti meneliti kes-kes yang diajukan, jika perlu kepada saksi maka segala kemudahan harus disediakan. Saksi harus bersumpah sesuai dengan hukum Islam dan adat, jika tidak ada peraturan itu, hendaklah dirujuk kepada undang-undang pembuktian *Ratnakosin* 113 (1894m.)
 5. Bila sidang kadi telah membuat keputusan, maka hakim Thai akan mempersetujui keputusan itu. Segala denda atau bayaran yang dikenakan hendaklah diputuskan oleh kadi mengikut hukum Islam dan adat kebiasaan.
 6. Apabila keputusan final dibuat oleh hakim Thai mengikut keputusan kadi, tidak boleh dibuat rayuan kecuali keputusan itu menyimpang dari keputusan kadi.

Dalam kenyataan di atas menunjukkan bahawa prosedur perlantikan kadi masih dipengaruhi oleh polisi penjajahan Thai ke atas Patani. Kuasa perlantikan dimandatkan sepenuhnya kepada Petadbiran Kementerian Dalam Negeri dan kadi diletakkan di bawah kekeuasaan gabenor general. Di peringkat ini perlantikan kadi masih belum memakai prosedur yang jelas, hanya boleh dianggap sebagai

satu usaha kerajaan untuk melayani tuntutan orang Islam yang masih sangat merasai tentang campur tangan asing ke atas urusan mereka.

Setelah keadaan sudah berubah, kuasa perlantikan kadi dilakukan di bawah naungan Kementerian Keadilan, maka perlantikan kadi digariskan dengan satu prosedur yang agak jelas, walaupun mengalami proses perubahan mengikut kuasa polisi pemerintahan semasa. Berdasarkan peruntukan undang-undang pentadbiran mahkamah, artikal No.13,44,45 tahun 1978m., Kementerian Keadilan telah mengeluarkan satu peruntukan undang-undang No.5, 1979m. mengenai prosedur pemilihan dan perlantikan kadi adalah seperti berikut:

1. Ketua mahkamah di wilayah berkenaan mengeluarkan pengumuman dan mendaftarkan nama-nama calon bagi jawatan kadi yang terdiri daripada mereka yang menepati syarat-syarat yang terkandung dalam undang-undang pentadbiran mahkamah artikal No.44/1978m.
2. Setelah tamat tempoh pencalonan, maka Yang Dipertua mahkamah wilayah selatan bersama Menteri Besar wilayah berkenaan akan menyemak senarai calon yang menepati syarat pencalonan dan menilainya, kemudian diangkat kepada Kementerian Keadilan.
3. Kementerian keadilan akan memilih calon yang lebih layak untuk dilantik sebagai kadi secara resmi setelah mendapat persetujuan daripada Badan Kehakiman.⁸

⁸ Visit Limanon(1982), *Op.cit.* h.362.

Apabila berlaku kekosongan jawatan kadi dalam satu-satu wilayah, maka Kementerian Keadilan melalui ketua umum bagi mahkamah-mahkamah wilayah selatan mengeluarkan pengumuman kepada Majlis Agama Islam di wilayah berkenaan untuk menyenaraikan nama calon yang akan didaftarkan dalam senarai pencalonan jawatan kadi. Kemudian senarai calon tersebut diangkat kepada Kementerian Keadilan. Setelah semakan terhadap kelayakan calon dilakukan, maka nama-nama calon diumumkan dan dilakukan acara pengundian oleh para tok imam masjid dalam wilayah berkenaan, calon yang mendapat majoriti undi, dialah yang akan dilantik sebagai kadi, kemudian calon tersebut diangkat lagi kepada Kementerian Keadilan untuk dilantik secara rasmi sebagai kadi atau *Dato' Yutitham*.⁹

Prosedur pemilihan dan perlantikan, dari semasa ke semasa berlaku penambahan dan pengubahsuaian dari segi teknikalnya. Mengikut seksyen 52, Akta Pegawai Kehakiman tahun 2000m., dapat dirumuskan sebagai tambahan dari prosedur di atas bahawa:

1. Sesi pencalonan diumumkan kepada kaum muslimin di wilayah berkenaan dengan syarat-syarat pencalonan dan calon (*Mengikut Akta Pegawai Kehakiman Bil.7 tahun 1992m. dan peraturan khas kementerian*). Kemudian senarai nama calon tersebut akan dikemukakan kepada panitia ahli jawatan kuasa mengikut seksyen 47(2),(5) untuk dibincangkan.

⁹ *Ibid.*

2. Calon-calon akan diberi kursus dan diuji tentang undang-undang Islam, peraturan pegawai kehakiman dan adab-adab kehakiman.
3. Calon-calon yang dipilih akan diangkat kepada Kementerian Keadilan untuk memilih calon yang benar-benar layak dengan proses yang dilihat sesuai.
4. Calon yang terpilih akan diangkat pula kepada Perdana Menteri untuk disahkan dan akhirnya dipersembahkan kepada raja untuk diperkenankan.

Dalam perkembangan mutakhir tentang proses pemilihan calon kadi bahawa pemilihan calon tidak lagi memakai cara pemilihan melalui pengundian dari para Tok Imam Masjid dalam Wilayah Narathiwat, tetapi pemilihan calon kadi dengan menggunakan cara ujian dan peperiksaan bertulis. Cetusan idea ini adalah hasil pengamatan para kadi terdahulu yang melihat bahawa cara pengundian dari suara tok-tok imam masjid itu terdapat beberapa perkara yang dianggap sebagai suatu yang negatif, di mana calon yang mendapat tempat terdiri daripada calon yang mempunyai pengaruh dalam masyarakat dan pandai memancing undi dengan menggunakan hadiah dan palbagai cara untuk meraih simpati para pengundi, walaupun pemenang tersebut tidak mempunyai kelayakan secukupnya untuk menjawat jawatan kadi.¹⁰

Idea tersebut disambut baik oleh pihak Kementerian Keadilan, maka bermula pada pemilihan kadi tahun 1987m. telah dilaksanakan cara ujian

¹⁰ Hasil temubual permulis dengan kadi Wilayah Narathiwat sekarang; Dato' Nik Wan 'Ali. *Op.cit.* Beliau adalah sebagai kadi pertama yang dilantik melalui cara peperiksaan.

kelayakan dengan peperiksaan bertulis, calon yang lulus dan mendapat markah terbanyak, dialah yang layak dilantik sebagai kadi. Manakala penyediaan soalan, pengendalian dan pemeriksaan adalah di bawah satu *lajnah* yang dibentuk yang terdiri daripada kadi, ‘ulama’ yang dijemput, wakil Majlis Agama Islam dan pegawai kehakiman. Skop soalan pula mencakupi dua bidang; undang-undang Islam dan undang-undang sivil yang berkaitan seperti prosedur perbicaraan kes dan sebagainya. Selain dari itu tatacara perlantikan kadi adalah mengikut peraturan yang sedia ada.¹¹

Tetapi seorang mantan kadi Wilayah Narathiwat berpendapat bahawa pemilihan kadi secara pengundian suara Tok-tok Imam adalah lebih kemas dan lebih menepati kehendak syarak kerana kadi benar-benar dipilih oleh pemuka-pemuka agama secara menyeluruh yang boleh digolongkan sebagai *Ahlu al-Halli Wa al-'Aqdi*, walaupun di sana terdapat beberapa mainan kotor yang dilakukan oleh calon-calon kadi, namun ia boleh diatasi dengan mengemaskinikan tentang syarat-syarat pencalonan dan cara mengendalikan pengundian. Selain dari itu, kadi langsung mendapat mandat dari masyarakat dan dukungan yang padu dari mereka.¹²

¹¹ Hasil temubual pernulis dengan Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat; Mustafa bin Abdullah. *Op.cit.*

¹² Hasil temubual pernulis dengan mantan kadi; Dato' Wan Husein bin Dato' Wan Abd.Rahman. Beliau sebagai kadi yang pertama dilantik melalui pengundian dari Tok-tok Imam. *Op.cit.*

1.3. Syarat dan Kelayakan kadi.

Institusi kehakiman adalah satu badan yang terpenting bagi sebuah masyarakat dan negara¹³ serta mempunyai kedudukan yang tinggi dan murni, terutama di pandangan masyarakat awam kerana dari badan itu mereka akan mendapat kata putus yang terakhir, samada keputusan itu memberikan kegembiraan kerana menyebelahinya atau mengecewakannya kerana keputusan memihak kepada lawannya.

Mengikut keadaan masyarakat awam di Wilayah Narathiwat, badan kehakiman secara formal adalah sebagai tempat rujukan yang terakhir setelah gagal mencapai kata sepakat secara damai atau secara *tahkim* kerana pada pandangan masyarakat, adalah menjadi satu ke'aipan yang besar bila sebarang persengketaan sampai keperingkat perbicaraan mahkamah.

Walaupun kes-kes mereka dibicarakan oleh kadi Islam, namun kedudukan kadi di mahkamah bukan Islam dianggap bukan bertujuan untuk memenuhi kepentingan orang Islam. Terdapat kadi yang dilantik daripada keluarga yang berpengaruh yang mempunyai latar belakang pendidikan yang kurang normal, sekalipun pada dasarnya kadi henhaklah terdiri daripada orang-orang yang berpengetahuan dalam undang-undang Islam. Sebab itu kadi selalunya tidak diberi tumpuan. Kebanyakan perbalahan yang melibatkan kekeluargaan dan pusaka diselesaikan oleh imam dan guru-guru agama dalam masyarakat.¹⁴

¹³ Mahmud Saedon A Othman(Dr.)(1991), *Kadi: Perlantikan, Perlucutan dan bidang kuasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.3.

¹⁴ Wan kadir Che Man(1998), *Islam di Patani Semasa*, dalam Minoriti Muslimin di Thailand, Selangor: L.Minda, h.74.

Memandangkan kedudukan kadi berada dalam barisan pemutus hukum yang wajib dipatuhi oleh semua pihak, maka kelayakan kadi menjadi topik penekanan utama kepada seseorang yang akan mencalonkan diri sebagai kadi kerana kelayakan itu akan mempengaruhi keputusannya nanti. Mengenai kelayakan seorang yang berminat untuk mencalonkan diri dalam senarai pencalonan bagi jawatan kadi di Mahkamah Wilayah untuk menyelaikan kes-kes yang melibatkan orang Islam dalam hal-hal kekeluargaan dan pusaka, Kementerian Keadilan telah menentukan beberapa syarat yang mesti dimiliki oleh seorang calon dengan mengeluarkan undang-undang perlantikan kadi tahun 1978m. pindaan daripada undang-undang mahkamah yang dikeluarkan pada tahun 1954m. adalah seperti berikut:¹⁵

1. Calon hendaklah terdiri daripada seorang yang beragama Islam.
2. Umur calon hendaklah tidak kurang daripada 30 tahun ke atas.
3. Calon mesti mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang hukum-hukum syariah Islam dan berkemampuan mengendalikan kerja-kerja kehakiman yang akan mengadili kes-kes perbalahan antara orang Islam dalam hal-hal yang berkaitan dengan kekeluargaan dan pusaka.
4. Calon juga hendaklah seorang yang mahir dalam bahasa Thai iaitu sekurang-kurangnya calon memiliki sijil awal persekolahan rasmi kerajaan atau sijil-sijil yang setaraf dengannya.
5. Seorang calon hendaklah daripada rakyat Thailand yang sah, iaitu mempunyai sijil kelahiran Thailand dan kad pengenalan diri (IC) Thailand. Untuk menjawat sebarang jawatan di semua jabatan kerajaan Thai, syarat ini

¹⁵ Visit Limanon(1982), *Op.cit.* h.360.

adalah syarat utama dan wajib pada seseorang pemohon. Sebenarnya syarat kerakyatan Thai tidak termaktub dalam senarai syarat calon kadi daripada undang-undang berkenaan, tetapi sudah menjadi uruf kerajaan bahawa apa-apa penjawatan di jabatan rasmi kerajaan harus menepati syarat tersebut.¹⁶

Berhubung dengan syarat kelayakan yang diperuntukkan di atas, penulis berpendapat bahawa kelayakan yang disebut dalam pecahan yang ketiga terlalu luas, tidak dinyatakan tahap pencapaian tertentu dari segi akademik dan kelulusan-kelulusan yang boleh diakui. Dengan keluasan syarat ini amat sesuai dengan kematangan akademik yang ada pada golongan ilmuwan agama di wilayah selatan Thai, terutama di Wilayah Narathiwat. Dewasa ini ramai yang memiliki kelulusan akademik, tetapi tidak banyak yang mencapai tahap ilmu yang layak dijawatkan sebagai kadi, kerana persekitaran semasa tidak menyumbang ke arah perkembangan ilmu, berbanding dengan ‘ulama’ dulu yang rata-rata mempunyai kedudukan ilmu yang tinggi, walaupun masih belum boleh degelar sebagai mujtahid.

Dato’ Abdullah Tuan Midin selaku kadi di Mahkamah Wilayah Narathiwat sekarang ini juga berpendapat bahawa syarat yang digariskan dalam peruntukan tersebut adalah terlalu umum, mungkin untuk menyesuaikan dengan keadaan di masa itu yang sulit untuk mendapat calon yang dapat menguasai dua bidang pengajian; bidang agama dan bidang akademik. Tetapi dewasa ini ramai

¹⁶ Seksyen 27(11) Akta Pegawai Kehakiman 1978m.

yang mencapai dua kelulusan itu, walaupun dari segi ilmu pengkhususan kehakiman belum terjurus secara terancang. Dengan itu, cara pemilihan calon melalui peperiksaan juga dapat mempertingkatkan kedudukan kadi yang dilantik dari calon yang terpilih dan berkemahiran dalam dua bidang tersebut. Namun begitu, para kadi telah berusaha untuk mengajukan projek pengubahsuaian syarat kadi agar lebih mantap daripada apa yang termaktub dalam peruntukan yang ada, tetapi hingga sekarang belum ada tindakan daripada pihak berkuasa.¹⁷

Bagaimanapun para ilmuwan tempatan, samada dahulu atau sekarang, mereka tidak diberi pendedahan dan bimbingan tentang prosedur dan metode kehakiman, terutama yang diamalkan dalam institusi kehakiman moden, seperti yang berlaku di kebanyakan negara-negara Islam, contohnya di Malaysia, adanya kursus dan bimbingan tehadap pegawai-pegawai kehakiman, wujudnya pengajian kehakiman seperti diploma kehakiman Islam dan sebagainya.

Sebab itu kadi-kadi yang dilantik dipandang rendah dan tidak setanding dengan hakim-hakim yang seduduk dengan mereka di mahkamah-mahkamah wilayah selatan Thai. Oleh itu, penulis menyarankan supaya pihak berkuasa mengadakan bidang pengajian khusus tentang kehakiman dan fatwa atau sekurang-kurangnya mengadakan kursus secara intensif untuk memberi pendedahan yang secukupnya kepada calon-calon kadi dan orang-orang yang terlibat dalam khidmat keagamaan seperti tok-tok imam, pegawai-pegawai Majlis Agama Islam dan sebagainya. Kerana akibat dari perubahan yang berlaku dari

¹⁷ Hasil temubual pernulis dengan Dato' Abdullah Tuan Midin. *Op.cit.*

palbagai sudut kehidupan, maka perubahan yang melibatkan penanganan hukum syarak terhadap kes-kes yang belum ditangani oleh ‘ulama’ dalam kitab-kitab klasik, perlu ada jawapan hukum baru yang sesuai dengan nilai-nilai setempat dan semasa.¹⁸

Kalau dibandingkan dengan syarat dan kelayakan seorang calon yang akan dilantik sebagai kadi mengikut pandangan Islam,¹⁹ di sana ada beberapa perkara yang lebih dan ada pula yang kurangnya. Syarat yang ditambah daripada apa yang disenaraikan oleh para ‘ulama’ Islam ialah membatasi umur calon kadi dari 30 tahun ke atas, berkemahiran dalam bahasa Thai dan calon juga mesti mempunyai kerakyatan Thailand atau lebih tepat, anak kelahiran tempatan.

Syarat-syarat di atas, walaupun pada lahirnya nanopak sudah terkeluar dari kandungan syarat yang disebut oleh ‘ulama’ Islam.²⁰ Tetapi pada hakikatnya ia tidak bercanggah atau menyalahi hukum syarak, kerana syarat umur sudah melebihi batas bāligh, malah yang dikehendaki dengan kata bāligh dari sudut kehakiman ialah mencapai tahap kematangan dalam sebarang penilaian dan tindakan. Mengenai syarat kemahiran dalam bahasa Thai dan kerakyatan Thai adalah sebagai tanda atau identiti bagi penguasaan pemrintah terhadap taklukannya.

¹⁸ Mahmud Zuhdi Hj. Abdul Majid (Dr.)(1999), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*, dalam Abdul Karim Ali (Dr.) dan Raihanah Hj.Azahari (Penyunting), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h.5.

¹⁹ Syarat kelayakan kadi mengikut Islam telah dibincangkan dalam bab yang lepas.

²⁰ al-Māwardī, Abī al-Hasan ‘Alī bin Muhamad bin Habīb(t.t), *al-Ahkām al-Sultāniyyah*, Beirut: Dār al-Fikr, h.65.

Mengikut syarat yang dikenakan sekarang kepada setiap calon kadi yang akan mengambil ujian kelayakan kadi ialah mesti mendapat kelulusan akademik sekolah kebangsaan Thai, sekurang-kurangnya lulus di peringkat menengah atas (*M6/High School*), manakala bahagian pengajian Islam hendaklah sekurang-kurangnya lulus akhir *Thānawīyyah*. Tetapi kebanyakannya calon bagi pemilihan setakat ini, memiliki ijazah sarjana muda dalam bahagian pengajian Islam atau syariah, walaupun tidak ada pengkhususan kehakiman Islam secara langsung.²¹

Manakala syarat yang amat penting bagi seorang kadi mengikut penulisan ‘ulama’ Islam dan ia tidak disebut dalam peruntukan di atas ialah syarat lelaki dan keadilan. Dalam senarai syarat calon kadi menurut peruntukan di atas, tidak disebut syarat “lelaki”. Ini menunjukkan bahawa perempuan juga berhak mencalonkan diri bagi menduduki jawatan kadi, sedangkan dalam Islam syarat ini merupakan syarat kontroversi dikalangan ‘ulama’ Islam, tetapi calon ‘kadi’ hendaklah seorang lelaki adalah pendapat yang lebih asah,²² walaupun penjawatan kadi di Narathiwat dan wilayah-wilayah lain setakat ini belum pernah ada seorang perempuan yang dilantik sebagai kadi.

Tentang syarat keadilan, peruntukan di atas tidak menyebutnya, sedangkan dalam Islam syarat ini diberi penekanan yang tinggi oleh para ‘ulama’. Memandangkan syarat ini tidak disenaraikan dalam peruntukan di atas, maka orang yang *fāsiq* dalam penilaian agama juga boleh mencalonkan diri bagi

²¹ Hasil temubual pernulis dengan Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat, Mustafa bin Abdullah. *Op.cit.*

²² Muhammad Ra'fat Uthmān(Dr.)(1994), *al-Nizām al-Qadā'i Fi al-Fqh al-Islāmī*, Cet.2, al-Kahrah: Dār al-Bayān, h.98.

jawatan kadi, asalkan tidak dipandang *fāsiq* dalam penilaian pemerintah dan para tok imam serta mempunyai pengaruh yang luas di kalangan mereka, kerana calon ditentukan oleh pemerintah dan dipilih oleh para tok iman, apa lagi dengan cara pemilihan calon untuk dilantik sebagai kadi melalui peperiksaan, yang cemerlang akan terpilih menjadi kadi.

Sebenarnya ketentuan *ādil* atau *fāsiq* adalah hasil daripada penilaian dan pengamatan oleh pihak berkenaan melalui format tertentu, tetapi ia boleh digariskan dalam bentuk syarat, seperti tidak pernah disabitkan dalam kesalahan jenayah, kes-kes rasuah dan penipuan, salahlaku sex atau perzinaan dan sebagainya. Oleh itu, syarat keadilan dengan konsep yang wajar perlu dimuatkan dalam senarai syarat dan kelayakan seorang calon kadi yang akan duduk dalam mahkamah-mahkamah di wilayah selatan.

2. Perlucutan.

Pendahuluan.

Menjadi satu kelaziman dalam mana-mana pentadbiran bahawa pihak yang mempunyai bidang kuasa untuk membuat perlantikan terhadap sesuatu jawatan, maka pihak berkenaan juga mempunyai bidang kuasa untuk melucutkan jawatan tersebut dengan mengikut prosedur yang sama. Dalam satu sistem pentadbiran yang mempunyai taklukan yang luas, samada dari sudut geografi atau dari sudut bidang kerja, pimpinan teratas memiliki keseluruhan kuasa dalam pentadbiran, termasuk kuasa perlantikan dan perlucutan. Kuasa ini boleh diserahkan kepada bawahannya, samada secara pakej atau dalam satu-satu sudut sahaja. Hal yang

demikian juga berlaku dalam bidang kuasa perlantikan dan perlucutan, kadang-kadang dimandatkan kuasa perlantikan dan tidak dimandatkan kuasa perlucutan. Bagaimanapun kuasa teratas berhak di atas segala hal pentadbiran, sekalipun telah diserahkan kepada pihak bawahan.

Pada dasarnya tindakan memecat atau melucutkan penjawatan kadi adalah dianggap sebagai suatu pencabulan terhadap prinsip kebebasan kadi itu sendiri. Kadi akan merasa terganggu dan terancam dengan adanya tindakan pemecatan terhadap jawatan yang disandangnya, malah secara logiknya, kadi akan selalu bertunduk dan berada di bawah telunjuk kuasa berkenaan dalam menjalankan kerja-kerja kehakiman. Tetapi membiarkan keadaan yang rosak berterusan tanpa apa-apa tindakan juga amat tidak logik, seperti kadi yang telah melanggar peraturan dan kod etika kehakiman atau sudah tidak berupaya mengendalikan urusan kehakiman.²³ Justeru tindakan perlucutan dan pemecatan kadi tidak harus diperlakukan dengan sewenang-wenangnya, harus ada suatu prosedur yang kekat dengan alasan-alasan yang kukuh menerusi proses tertentu. Pengendalian kerja-kerja kehakiman memerlukan kemahiran dan pengalaman yang cukup dan mantap, kemahiran dan pengalaman tidak akan dicapai dalam tempoh penjawatan yang singkat, ia memerlukan kesenioran dalam bekerja untuk meraih pengalaman dan kecekapan, jadi pertukaran kepada orang baru juga merupakan satu faktor kelemahan dalam kerjaya kehakiman.

²³ Khairullah Talfāh(1973), *al-Qaddā' Ind al-'Arab*, Baghdād: Maṭba'ah al-Ma'ārif, h.139.

2.1. Sebab-sebab Perlucutan.

Memandangkan tindakan memecat atau perluctan jawatan adalah suatu tindakan yang amat sensitif, maka ia hendaklah merentasi prosedur yang ketat dengan sebab-sebab tertentu. Sebab pemberhentian dari jawatan pula mestilah mengikut apa yang dijelaskan oleh peruntukan undang-undang, tidak boleh diasaskan di atas sebab yang difikir munasabah oleh pihak yang bersangkutan, kerana tindakan yang diasaskan atas pengamatan semata-mata adalah relatif dan boleh dipertikaikan keasahannya.

Tentang sebab-sebab perlucutan penjawatan kadi adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Pegawai Kehakiman 1978m., seksyen 13,44 dan 45, memberi kuasa kepada Kementerian Keadilan mengeluarkan beberapa peraturan bagi kadi, iaitu dalam perkara (4-7) tahun 1979m. Di dalam pekara (4) tahun 1979m. menyatakan sebab-sebab pemberhentian kadi dari bekerja dalam jawatannya adalah seperti berikut:

1. Apabila seorang kadi telah meninggal dunia.
2. Kadi telah mendapat keizinan untuk bercuti panjang.
3. Apabila telah mencapai umur persaraan mengikut peraturan pegawai kerajaan.
4. Apabila dipanggil untuk berkhidmat dalam tentera.
5. Diarah supaya meletak jawatan atau bersara.²⁴

²⁴ Seksyen 44, Akta Pegawai Kehakiman 1978m.

Dalam perkara (5) tahun 1979m. pula menjelaskan peraturan perletakan jawatan, di mana apabila kadi berhasrat untuk meletak jawatan yang disandang, ia mesti mengemukakan permohonan kepada ketua hakim di mahkamah berkenaan, jika permohonan diterima dengan persetujuan Ahli Jawatan Kuasa Kehakiman, maka permohonan itu diluluskan dan jawatan itu dikosongkan.

Dalam perkara (6) tahun 1979m. menyentuh tentang hak Kementerian Keadilan melucutkan jawatan kadi bilamana kadi telah melakukan kesalahan etika dan moral.²⁵ Tindakan pemecatan ini harus mendapat persetujuan daripada Ahli Jawatan Kuasa Kehakiman.

Manakala dalam perkara (7) tahun 1979m. memberi wewenang kepada kementerian menggesa kadi supaya meletak jawatan apabila kementerian melihat bahawa kadi dalam keadaan yang amat sesuai untuk berbuat demikian. Penggesaan tersebut boleh dibuat bilamana kadi sedang berada dalam salah satu keadaan berikut:

- a) Apabila terbukti bahawa kadi telah melanggar peraturan kehakiman yang boleh diambil tindakan dengan peletakan jawatan, atau
- b) Cuai dalam melaksanakan tugas, atau
- c) Ternyata tidak berkemampuan untuk memikul tanggungjawab, atau
- d) Mempunyai moral yang rendah, atau
- e) Mengalami keuzuran diri yang boleh mengganggu tugas hariannya, atau

²⁵ *Ibid.*

- f) Mencebur diri sebagai ahli politik atau anggota Dewan Senat, atau
- g) Di batalkan taraf kerakyatan Thai.²⁶

Mengenai sebab-sebab perlucutan jawatan di atas, penulis berpendapat bahawa ia amat wajar dan sesuai, malah perlu diperketatkan lagi daripada apa yang ada, kerana ia boleh dianggap sebagai salah satu cara untuk mengawal kedudukan kadi dari melakukan sebarang pelanggaran yang merosakkan institusi kehakiman itu sendiri, seperti menerima rasuah atau dipengaruhi. Tetapi kalau dibandingkan dengan kehakiman Islam tentang sebab-sebab yang membawa kepada perlucutan kadi dari jawatannya adalah lebih ketat dan tegas, terutama yang melibatkan keadilan dan kod etika kehakiman. Sebagai contoh, Khalifah dalam kerajaan Umayyah; Hisyām bin Abdul Malik telah mengirim surat kepada walinya di Mesir; al-Walīd ibn Rifa'ah supaya memecat Yahyā bin Maimūn al-Hadramī dari jawatan kadi yang disandangnya sejak tahun 105h. kerana menghukum dengan hawa nafsu, dan diceritakan bahawa kes tidak akan dibicarakan melainkan setelah mendapat rasuah.²⁷

2.2. Langkah dan Prosedur Perlucutan Jawatan.

Seseorang yang menjawat jawatan kadi harus mempunyai keterampilan diri yang cukup mantap, seperti berdisiplin dalam menjalankan kerja dan bertatasila yang kukuh mengikut peraturan yang ditetapkan. Untuk mengawal kedudukan ini, pihak Yang Dipertua Mahkamah Tinggi berhak memantau keadaan kadi bila berlaku pelanggaran kod etika kehakiman. Pemantauan itu dilakukan dengan

²⁶ Seksyen 27(11) Akta Pegawai Kehakiman 1978m.

²⁷ 'Aṭiyah Muṣṭafā Musyrifah(1966), *Op. cit.* h.161, Khairullah Talfah(1973), *Op. cit.* h.143.

membentuk satu unit untuk menjalankan penyiasatan, samada kadi itu perlu dipecat atau masih boleh diteruskan perkhidmatannya.²⁸

Sekiranya berlaku sebab-sebab perlucutan dalam kategori yang tidak dikaitkan dengan kehendak usaha dan campur tangan dari mana-mana pihak, seperti kadi meninggal dunia atau kadi telah mencapai umur persaraan yang ditetapkan tanpa disambungkan perkhidmatannya secara kontrak, sebagaimana yang disebut dalam perkara (4) 1979m. Dalam keadaan ini kekosongan jawatan tidak memerlukan proses perlucutan kerana secara automatik pencalonan dan penjawatan baru perlu dilakukan. Manakala kadi yang ditimpa kezuruan yang tidak memungkinkannya menjalankan tugas, seperti yang disebut dalam perkara yang sama, pada waktu ini kadi dinasihatkan oleh Kementerian Keadilan supaya meletak jawatan dan memberi peluang kepada orang lain untuk menjalankan tugas, seperti yang dinyatakan dalam perkara (7) 1979m., dan perletakan jawatan kadi adalah mengikut prosedur yang dijelaskan dalam perkara (5) tahun 1979m.

Dalam kategori di atas sebab kerelaan kadi itu sendiri iaitu kadi berhasrat untuk meletak jawatan yang disandang seperti yang disebut dalam perkara (5) tahun 1979m., atau kadi telah mendapat keizinan untuk bercuti panjang seperti yang dinyatakan dalam perkara (4) tahun 1979m., atau kadi telah menceburkan diri sebagai ahli politik atau sebagai anggota senat seperti yang dijelaskan dalam perkara (7) tahun 1979m. Dengan sebab terakhir ini kadi akan digesa oleh Kementerian Keadilan supaya meletak jawatan. Dalam keadaan ini, samada

²⁸ Seksyen 54, Akta Pegawai Kehakiman 2000m.

dengan kerelaan kadi sendiri atau dengan digesa oleh pihak berkuasa, kadi dikehendaki melakukan proses peletakan jawatan seperti yang diperuntukkan dalam perkara (5) tahun 1979m., di mana ia mesti mengemukakan permohonan kepada ketua hakim di mahkamah yang didudukinya, jika permohonan diterima dengan persetujuan oleh Ahli Jawatan Kehakiman, maka permohonan itu diluluskan dan jawatan itu dikosongkan.

Manakala dalam kategori perlucutan jawatan yang dikaitkan dengan tindakan pihak berkuasa ke atas kadi atau satu keadaan yang memaksa kadi melucutkan jawatanya atau terlucut secara automatik, seperti kadi didapati telah melanggar kod etika kehakiman dan tidak bermoral atau rendah moral yang tidak melayakkannya lagi untuk terus menjadi kadi sebagaimana yang dijelaskan dalam perkara (6) tahun 1979m. Bila hal ini berlaku, Yang Dipertua Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa untuk memantau keadaan kadi, dengan membentuk satu unit bagi menyiasat perkara itu.²⁹ Keputusan pemecatan dari penyiasatan tersebut dan tindakannya mesti mendapat persetujuan daripada Ahli Jawatan Kuasa Kehakiman.

Jika kadi didapati cuai dalam menjalankan tugas kehakiman atau tidak berkemampuan lagi untuk meneruskan kerja-kerja kadi seperti yang dinyatakan dalam perkara (7) tahun 1979m., maka kadi akan diberi nasihat oleh Kementerian Keadilan supaya meletak jawatan mengikut prosedur yang digaris dalam perkara (5) tahun 1979m. Manakala perlucutan jawatan kadi disebabkan

²⁹ *Ibid.*

oleh pembatalan taraf kerakyatannya, samada dari pihaknya atau dari pihak berkuasa, maka perlucutan tidak memerlukan sebarang prosedur, malah penjawatannya turut terbatal secara automatik.³⁰

³⁰ Seksyen 27(11), *Op.cit.*